



5 Mei 2014  
5 May 2014  
P.U. (A) 124

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM (PENGEQUALIAN FI PENDAFTARAN) 2014

### *INTERNATIONAL TRADE IN ENDANGERED SPECIES (EXEMPTION OF REGISTRATION FEES) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2008

PERINTAH PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM  
(PENGECUALIAN FI PENDAFTARAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 52 Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 [*Akta 686*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam (Pengecualian Fi Pendaftaran) 2014**.

**Pemakaian**

2. Perintah ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia, Sabah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Pengecualian**

3. Mana-mana orang, syarikat atau pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti sebagai penanam atau pengusaha tanaman pokok Karas (*Aquilaria spp.*) di Semenanjung Malaysia, Sabah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan dikecualikan daripada fi pendaftaran yang dikehendaki di bawah peraturan 3 Peraturan-Peraturan Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam (Permit, Perakuan, Pendaftaran dan Fi) 2009 [*P.U. (A) 459/2009*] sehingga hasil tanaman daripada aktiviti itu boleh dikomersialkan.

**Syarat pengecualian**

4. Pengecualian di bawah perenggan 3 terpakai hanya bagi penanam atau pengusaha tanaman pokok Karas (*Aquilaria spp.*) dengan jumlah dirian pokok bersamaan dengan atau kurang daripada 2,000 batang pokok atau dengan luas kawasan tanaman bersamaan dengan atau kurang daripada 2 hektar.